

Buletin

maklumat kepenggunaan semasa

NOVEMBER 2006



Kementerian  
Perdagangan Dalam  
Negeri dan Hal Ehwal  
Pengguna

# pengguna

## SKIM CEPAT KAYA

# BERANTAI

**MEMANFAATKAN  
PENGUNAAN  
KAD KREDIT**

**MENGURANGKAN  
TEKANAN  
KOS HIDUP**

**GUNAKAN  
UBAT  
SECARA  
RASIONAL**

**KESELAMATAN  
PRODUK  
PENGUNA**

**KENALI  
KUMPULAN  
MAKANAN  
SEIMBANG**

### PROGRAM JKHWAN

UNTUK YANG BERJIVI PENGASHI

... yang lumayan dengan pr...

ISSN 1675-5626

9771675562001

# BULETIN PENGGUNA

## MINDA EDITOR

### SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Y. Bhg. Dato' Seri Talaat bin Hj. Husain  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna

KETUA SIDANG PENGARANG  
Isamil bin Jantan

TIMBALAN

KETUA SIDANG PENGARANG  
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

SIDANG PENGARANG

Masri bin Misran  
Azendi bin Mohd Zawawi  
Nazleen bte Mohd Emran  
Noor Jamal bin Ali  
Indrani Thuraisingham  
Siti Rahayu bte Zakaria

DICETAK OLEH  
Syarikat Asas Jaya

Buletin Pengguna merupakan penubuhan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA ia diterbitkan pada setiap bulan. Sumbangan artikel atau ulasan. Sila hantarkan sumbangan kepada

EDITOR.

Buletin Pengguna  
No 1D-1, Bangunan SKPPK  
Jalan SS9A/17  
47300 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Bahagian Hal Ehwal Pengguna  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna  
Aras 4, Lot 2G3, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya

EMAIL

bulletinpengguna@hotmail.com

LAMAN WEB KPDN & HEP  
[www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)

LAMAN WEB FOMCA  
[www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

E-AUDUAN

<http://e-aduan.kpdnhep.gov.my>

SMS E-AUDUAN  
32255

HOT LINE KEMENTERIAN  
1-800-886-800

Artikel yang disertakan dalam Buletin Pengguna ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN NEGARA, kebanyakannya daripada bahan makanan dan produk siap diimport daripada luar negara. Pada tahun 2005, import bil bahan makanan sebanyak RM14 bilion. Demikian juga import produk kegunaan pengguna sebanyak lebih kurang RM24.6 juta pada tempoh yang sama.

Kebanyakannya bahan makanan kita adalah diimport seperti gandum, beras, gula, produk tenusu, jagung, barli, sayur-sayuran, ikan dan sebagainya. Ini kerana keluaran yang dihasilkan dalam negara tidak mencukupi untuk menampung keperluan negara. Beras yang dikeluarkan oleh para petani dalam negara hanya dapat menampung sebanyak 10% sahaja untuk kegunaan tempatan. Selebihnya terpaksa diimport.

Memandangkan pentingnya urusniaga import kepada negara, maka setiap perjanjian perdagangan yang dimeterai oleh negara kita akan memberikan impak yang besar. Umpamanya Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

WTO telah ditubuhkan pada tahun 1994, bagi menggantikan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perkhidmatan (GATS). Sebagai negara anggota WTO, Malaysia perlu memberikan komitmen terhadap setiap obligasi yang terkandung di dalam WTO. Ini termasuk menghapuskan kekangan perdagangan, mengurangkan subsidi dan sebagainya. WTO akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2010.

Beberapa juga dengan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang bakal ditandatangani oleh Malaysia dengan Amerika. Perjanjian tersebut sudah pasti akan ditandatangani, walaupun pelbagai pihak, khususnya pertubuhan bukan negara (NGO) menentangnya.

Di antara yang menjadi keimbangan ialah kedudukan pengeluaran produk makanan negara yang akan terjejas apabila perjanjian perdagangan antarabangsa dilaksanakan. Adakah mereka bersedia untuk bersaing dengan lambakan produk makanan daripada luar negara. Penggunaan teknologi moden dan pengeluaran hasil tanaman berskala besar menyebabkan hasil tanaman daripada luar negara dapat dihasilkan pada kos yang lebih rendah. Sedangkan pengeluar di negara kita tidak mampu berbuat demikian. Petani kita masih menggunakan teknologi pertanian tradisional dan berskala kecil. Sudah pasti kos pengeluaran mereka agak tinggi. Apatah lagi kebanyakan bahan yang digunakan di ladang mereka seperti baja, benih dan sebagainya juga diimport.

Usaha kerajaan untuk menjadi sektor pertanian sebagai enjin pembangunan ketiga merupakan usaha untuk memperkasakan sektor pertanian agar menjadi sektor utama negara. Begitu juga usaha mempertingkatkan produk berdasarkan bioteknologi adalah bertujuan untuk mempertingkatkan hasil keluaran produk pertanian.

Namun apa yang dikhuatiri ialah walaupun kerajaan bersungguh-sungguh dalam memandirikan produk pertanian keperluan negara, tetapi jika mentaliti petani kita tidak berubah pun tidak bermakna juga. Begitu juga tarikan kepada generasi muda agar terlibat dalam sektor pertanian juga perlu dipertingkatkan. Perlu diwujudkan suasana yang mampu menonjolkan bahawa sektor pertanian juga dapat menjanjikan pulangan yang lumayan. Kementerian Pertanian dan Asas Tani memang ada berusaha ke arahnya itu dengan kempennya melahirkan jutawan pertanian.

Sektor pertanian negara telah lama ketinggalan apabila sebelum ini kerajaan lebih menitikberatkan kepada sektor perindustrian. Namun masih tidak terlambat membangunkan semula sektor ini. Kempen-kempen yang lebih giat perlu dilakukan agar para pengguna disemaiakan tabiat mengisi masa lapang dengan bercucuk tanam sepetimana kempen buku hijau yang dilaksanakan pada tahun 1970-an dahulu. Selain dapat menjimatkan perbelanjaan isi rumah, mereka juga dapat menyihatkan tubuh badan dengan melakukan sedikit gerak badan.

Di samping itu, kerajaan juga perlu meneliti setiap perjanjian perdagangan agar kandungannya tidak menjelaskan kepentingan rakyat di negara kita. Walaupun terdapat jaminan daripada Menteri yang berkenaan, namun kegusaran terhadapnya masih ada. Apa yang boleh diharapkan agar jaminan tersebut dapat dikotakan dan rakyat khususnya pengeluar produk makanan dan para petani tidak terjejas dengan apa juga perjanjian yang ditandatangani oleh kerajaan.



# KEWANGAN

KAD KREDIT merupakan salah satu daripada kemudahan kewangan yang disediakan dalam transaksi pembayaran wang. Ia digunakan sebagai pengganti kepada penggunaan wang tunai. Dengan menggunakan kad kredit, pembayaran untuk membeli barang atau perkhidmatan tidak perlu dibuat dengan wang tunai, sebaliknya dimasukkan dalam kad kredit. Pembayaran hanya dibuat apabila

## Manfaatkan Penggunaan Kad Kredit

### Kemudahan kad kredit

menerima penyata akaun kad kredit dasarkan tarikh akhir yang diberikan. Pemegang kad kredit diberikan pilihan sama ada untuk menjelaskan keseluruhan atau sebahagian sahaja (kebanyakan pengeluar kad kredit membenarkan sebanyak 5% sebulan, dan ada pula hanya menetapkan bayaran minimum RM25). Kegagalan pemegang kad kredit menjelaskan bayaran mereka akan menyebabkan mereka dikenakan bayaran faedah tertentu.



#### fleksibel

Penggunaan kad kredit membantu pengguna yang ingin membeli sesuatu barang yang ditawarkan dalam tempoh terhad.

#### penerimaan universal

Kad kredit diterima oleh sebahagian besar pusat membeli belah di seluruh dunia. Selain daripada itu, tidak timbul masalah pertukaran mata wang kerana pembayaran dibuat berdasarkan matawang negara berkenaan. Apabila penyata akaun kad kredit diterima, transaksi tersebut telah ditukarkan mengikut mata wang tempatan.

#### manfaat nilai tambah

Persaingan hebat dalam kalangan syarikat pengeluar kad kredit menyebabkan mereka mengadakan pelbagai tawaran dan insentif kepada pemegang kad kredit, seperti rebat, pembayaran balik tunai, pembelian tanpa faedah, mata bonus dan sebagainya. Pengguna perlu bijak dalam membuat penilaian apabila menerima tawaran tersebut. Pastikan kemampuan kewangan dan kesan yang tersirat di sebalik tawaran itu.

#### cara mudah membeli belah

Pembelian tidak perlu menggunakan wang tunai atau cek. Pemegang kad kredit juga tidak perlu risau sekiranya wang tunai yang dimiliki tidak mencukupi apabila membeli belah.

#### keselamatan

Dengan menggunakan kad kredit, seseorang tidak perlu membawa wang tunai yang banyak, yang dikhuatiri boleh menyebabkan kesulitan seperti kecurian, kehilangan dan sebagainya.

#### perlindungan kecemasan

Seringkali timbul masalah kecemasan yang memerlukan penggunaan sejumlah wang yang banyak, seperti mengalami masalah kesihatan dan memerlukan rawatan di hospital.

#### perlindungan

Kad kredit seringkali disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Bagi mengatasi masalah penyalahgunaan ini, syarikat pengeluar kad kredit mengadakan beberapa langkah keselamatan. Sekiranya transaksi tersebut melibatkan sejumlah wang yang banyak, syarikat pengeluar akan meminta kad laluannya tertentu daripada pemegang kad kredit sebelum urus niaga tersebut dijalankan. Selain itu, sekiranya terdapat transaksi yang meragukan dan dapat dibuktikan oleh pemegang kad kredit, syarikat pengeluar akan membatalkan urus niaga itu. Begitu juga sekiranya berlaku kehilangan kad kredit, aduan segera kepada syarikat pengeluar akan membatalkan kad kredit tersebut.

#### membuat bajet kewangan

Kad kredit juga dapat membantu seseorang membuat bajet perbelanjaan bulanan mereka. Berdasarkan kemampuan kewangan, mereka boleh merancangkan kadar pembayaran kad kredit tanpa membebangkan mereka. Ini khususnya bagi pembelian barang yang tinggi harganya seperti peralatan elektrik, perabut dan sebagainya.

#### pengesahan rekod

Pada setiap bulan, pemegang kad kredit akan menerima penyata bulanan kad kredit mereka. Ia merekod semua transaksi yang dilakukan pada bulan berkenaan. Penyata bulanan ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk mengesan wang yang dibelanjakan. Di samping itu, perbelanjaan tersebut boleh direkod secara sistematis.

#### membeli secara talian atau internet

Dalam era globalisasi masa kini, urusniaga boleh dilakukan tanpa sempadan. Oleh itu pembelian barang atau perkhidmatan boleh dibuat di seluruh dunia dengan kaedah pembayaran melalui kad kredit.

# PEMAKANAN



## Kenali Kumpulan Makanan Seimbang

MAKANAN SEIMBANG amat diperlukan dalam diet manusia. Ia memastikan setiap makanan yang masuk ke dalam badan mencukup dari segi khasiat dan menjadi darah serta daging yang membentuk badan yang sihat.

Oleh itu setiap orang perlu memahami kepentingan setiap kumpulan makanan yang diperlukan oleh tubuh badan.

Terdapat lima kumpulan makanan, iaitu:

1. Karbohidrat
2. Protein
3. Lemak
4. Susu & produk tenusu
5. Buah-buahan & sayur-sayuran

### Karbohidrat

Setiap orang memerlukan antara 50 hingga 60 peratus karbohidrat dalam makanan setiap hari. Karbohidrat terbaik ialah karbohidrat kompleks, yang biasanya terdapat dalam pasta, bijirin, gandum, nasi dan sebagainya. Ia bukan sahaja berfungsi untuk menyalurkan tenaga melalui gula aslinya, tetapi juga mengandungi zat-zat logam, vitamin dan bahan serat. Manakala dalam karbohidrat biasa pula, seperti yang terdapat dalam gula-gula, coklat, sirap dan minuman bergas atau berkarbonat, hanya mempunyai kalori tanpa vitamin, zat logam dan serat. Oleh itu, pengambilan karbohidrat seperti ini perlu dikurangkan atau dihentikan.

### Protein

Protein merupakan rangkaian asid amino yang terdapat karbon, nitrogen, hidrogen dan oksigen. Kumpulan makanan ini penting kerana ia menjadi komponen utama bagi otot, organ dan kelenjar tubuh manusia. Tubuh manusia memerlukan lebih kurang 20 asid amino untuk diproses menjadi protein. Protein yang terdapat dalam daging dan produk haiwan mengandungi asid amino yang lengkap. Manakala protein dalam sayur-sayuran, bijirin dan buah-buahan pula tidak mencukupi.

Seseorang memerlukan 20 peratus daripada tenaga kalori yang datang daripada protein untuk menjaga kesihatan. Protein tersebut, sebaik-baiknya, mengandungi kadar lemak yang rendah, seperti daging ternakan yang dibuang kulitnya, ikan, kekacang dan bijirin.

### Lemak

Lemak mengandungi karbon, hidrogen dan oksigen. Ia amat diperlukan bagi membekalkan asid lemak, terutamanya asid linoleik yang diperlukan untuk memantapkan sistem pembekuan darah, mengawal darah tinggi, radang sendi dan sebagainya. Lemak juga membekalkan tenaga di samping membawa vitamin A, D, E dan K dalam darah.

Terdapat dua jenis lemak, iaitu lemak tenu dan lemak tak tenu. Lemak tenu terdapat dalam daging-daging haiwan, produk tenusu, ais krim dan minyak kelapa. Lemak tak tenu pula terbahagi kepada dua, iaitu lemak *monounsaturated* yang terkandung dalam minyak zaitun dan kacang tanah, dan lemak *polyunsaturated* terdapat dalam minyak jagung, bunga matahari dan kacang soya.

Lemak tenu mengandungi banyak kolesterol. Pengambilan secara berlebihan boleh menyebabkan kegemukan dan meningkatkan risiko diserang penyakit jantung konorari. Oleh itu, lemak tak tenu perlu diberikan keutamaan dalam pemakanan. Sumber tenaga kalori daripada lemak tidak boleh melebihi 30 peratus daripada makanan harian.

### Buah-buahan & sayur-sayuran

Banyakkan mengambil kumpulan makanan jenis ini kerana ia mengandungi khasiat yang tinggi. Buah-buahan dan sayur-sayuran mempunyai kadar lemak yang rendah. Oleh yang demikian, pengambilannya dapat mengurangkan lemak dalam badan.

Buah-buahan dan sayur-sayuran juga mempunyai serat, vitamin dan zat-zat logam yang boleh mencegah daripada penyakit kanser dan memantapkan sistem pertahanan tubuh badan.

### Susu & produk tenusu

Susu dan produk tenusu mengandungi banyak lemak tenu. Pengambilannya perlu dihadkan. Kumpulan makanan ini mengandungi kalsium, vitamin B12, B2, Adan D. Oleh itu pilih jenis susu yang mengandungi kadar lemak yang rendah.

# KELAB PENGGUNA

## Aktiviti

### perbandingan Harga Barang

#### Langkah-langkah

- Bentuk satu kumpulan (5 orang setiap kumpulan)
- Pilih lokasi seperti Koperasi Sekolah, Kantin, Kedai Runcit berhampiran tempat anda (lokasi di luar kawasan sekolah hendaklah mendapat surat kebenaran daripada pihak sekolah)
- Berdasarkan borang di bawah. Anda boleh menentukan jenis-jenis barang untuk dibuat perbandingan harga dan kualiti barang tersebut.

#### Contoh Borang Perbandingan Harga


i) Nama Jenis barang ( contoh Beras )

Jenis barang mengikut jenama	Berat bersih	Kedai A	Kedai B	Perbezaan Harga
Beras A	10 kg	RM 17.00	RM 18.00	RM 1.00
Beras B	10 kg	RM 14.39	RM 12.70	RM 1.69
Beras C	10 kg	RM 18.39	RM 15.39	RM 3.20

ii) Nama jenis barang (contoh Buku Tulis)

Jenis barang mengikut jenama	Berat / Jumlah muka surat	Kedai A	Kedai B	Perbezaan Harga
Buku Tulis A		RM 2.00	RM 2.20	RM 0.20
Buku Tulis B		RM 3.40	RM 3.00	RM 0.40
Buku Tulis C		RM 1.50	RM 2.00	RM 0.50

- Setelah maklumat mengenai harga dan perbezaan harga diperolehi, anda dihendaki membuat penilaian terhadap maklumat tersebut.



#### Pengajaran Yang Boleh Diperolehi

Anda sebagai seorang pengguna seharusnya bijak membuat pilihan ke atas sesuatu produk yang berada di pasaran. Pemilihan barang atau sesuatu produk boleh ditentukan oleh kriteria-kriteria seperti berikut:-

- Barangan dan produk yang dibeli sesuai bagi tujuannya.
- Harganya berpatutan dan mampu dibeli
- Kualiti dan daya tahan produk berpatutan dengan harga.
- Produk mesra alam dan tidak mencemarkan alam sekitar
- Produk mempunyai jaminan dan mudah mendapatkan alat ganti
- Tidak membahayakan kesihatan
- Menyumbangkan faedah yang maksimum kepada pengguna.



#### Pengguna Bijak

- ✓ beli barang berkualiti
- ✓ buat perbandingan harga
- ✓ pilih perkhidmatan terbaik
- ✓ buat pilihan yang tepat

# ISU PENGGUNA

# SKIM CEPAT KAYA BERANTAI

SURAT BERANTAI merupakan isu lama. Pada masa itu, seseorang yang menerima surat tersebut diminta untuk menyebarkan kepada beberapa orang yang lain. Jika gagal berbuat demikian, dia akan ditimpa kesusahan atau mala petaka.

Pada masa ini surat berantai masih berleluasa. Ia disebarluaskan ke memerata tempat termasuk di tempat-tempat ibadah seperti masjid dan surau. Cuma modus operandinya berbeza, iaitu berkonseptkan skim cepat kaya. Asas skim ini adalah berbentuk binari atau piramid.

Mereka yang ingin menyertaikan skim ini perlu membayar sejumlah wang. Kemudian dia diminta pula untuk menghantar seberapa banyak mungkin surat bagi memujuk pengguna terlibat dengan skim ini. Biasanya tiga peserta terlibat secara aktif pada satu-satu surat. Wang dimasukkan dalam akaun bank tertentu.

## Kaedah skim ini:

- Peserta dikehendaki memasukkan wang ke dalam akaun peserta 1, 2 dan 3 sebagaimana yang terdapat dalam risalah.
- Gugurkan nama peserta pertama. Anjukkan nama peserta 2 sebagai peserta 1, manakala peserta 3 di tempat peserta 2. Letakkan nama peserta baru sebagai peserta 3.
- Buat salinan seberapa banyak yang diinginkan dan kemudian hantar dan sebarkan kepada sesiapa sahaja.
- Peserta diminta untuk menyemak akaunnya dari semasa ke semasa untuk mengetahui terdapat perubahan wang dalam akaun tersebut.

## CONTOH SKIM CEPAT KAYA BERANTAI

### Skim Insan Gemilang

Bayaran penyertaan sebanyak RM30

### insan GEMILANG

"DEMI MASA... SESUNGGUHNYA MANSIAH ITU SENTIASA DALAM KERUGIAN KEGUALLI MERAGA YANG UCIRMAN DAN DERMAL SOLEH SERTA DENGAN PESAH DENGAN KELIHAWAN DAN UCIRUMAN PESAH DENGAN KESAUHAN"

Maklumat Surah Al-Aasy

Program ini selalu dicetus oleh ahli penelitian dan ahli ilmu pengetahuan ke atas program seperti ini. Terdapat banyak yang total dianggarkan seberapa bolos untuk mendapatkan maklumat para peserta, jumlah RM47,000.00 atau ciri-ciri purata yang ada di dalam skim ini sudah tidak mungkin lagi. Yang penting anda terlibat dalam SEKAWANG dan bersama-sama kerjanya dengan insani kecemerlangan, kestingkuhan dan ketekunan.

Jika anda tidak mudah mempercayainya, kerjakan terhadap diri anda. Pernah Alif, maklumnya, "Bukanlah Syaitan yang mampu membuat manusia dengan kejadian dan kejadian sepadan yang jangan mampu untuk berlaku."

BERUSAHAH DENGAN CARA IKHLAS DAN JUJUR, SAKA ANDA BERPNAH TUNTUK MELAKUKAN PERKARA YANG SAMA. REZEKI YANG SUDA TIDAK AKAN MEMBUKAJOK PINTU HATI ORANG LAIN UNTUK MELAKUKAN PERKARA YANG SAMA. REZEKI YANG DIPEROLEHI TIDAK AKAN DIBERKATI DAN AKHIRNYA SEMUA PIRAK AKAN RUGI.

\*Silia latihan Borang Penyertaan yang kosong seribut dahulu sebelum mengisi butir-butir peserta.

BORANG PENYERTAAN	PESERTA GILIRAN SATU
Sila komak langkah 2, 3 dan 4 untuk keterangan limpi.	Nama: _____ Jenis aktaun: _____ Simpanan/Senasa/CIIW/Widaya/Mutharabah atau sebagainya. Sekiranya anda suah membuat aktaun di mana-mana Daik, sila boleh digunakan.
PESERTA GILIRAN DUA	PESERTA GILIRAN TERDAHULU
Nama: _____ Nama Bank: _____ Jenis Aktaun: _____	Nama: _____ Nama Bank: _____ Jenis Aktaun: _____

### Program Sumbangan Ikhlas Ca\$h 4U

Bayaran penyertaan sebanyak RM45

## PROGRAM SUMBANGAN IKHLAS CA\$H 4U

SUMBANGAN HANYA RM 45 DAN PEROLEHI RM 151,515.00 DAN KE ATAS.

Terbuka kepada semua, mudah, praktikal, tiada risiko, pendapatan yang lumayan tiada orang tengah atau syarikat yang mengaut keuntungan.

Anda adalah orang yang paling bertuah kerana diperkenalkan dengan program ini telah dijuji dan terbukti dapat menolong orang ramai menyelesaikan urusan kewangan mereka dengan mudah dan cepat. Jadi apa ditunggu lagi, buatlah tindakan yang hari ini. Tiada alasan untuk anda malu menjalankan program ini. Lagi malu jika anda berdult. ANDA BERUSAHAH CARI DUIT, BUKAN CURI DUIT.

Apapun tanggapan anda mengenai program ini, hakikatnya ia tidak memerlukan yang banyak, hanya RM 45 sekali dan kos photostat tidak mungkin menyebabkan anda muflis, tetapi sebaliknya insyaALLAH memberi anda dan setiap peserta memperolehi peruntungan yang cukup lumayan.

Program ini berdasarkan sumbangan ikhlas dan hanya menggunakan akaun bat memastikan program ini dapat dijalankan dengan lancar dan cepat, transaksi yang dilakukan melalui ATM (pindahan baki dan deposit tunai) adalah amat digalakkan oleh Maybank, BCB dan lain-lain. Dengan ini, ia dapat memudahkan lagi para peserta me-

## Apakah skim piramid

Skim piramid merupakan satu muslihat untuk memperdaya pengguna yang ingin mendapat keuntungan yang cepat. Ia memancing pengguna dengan pulangan yang tinggi dan tidak munasabah.

Seseorang yang telah diperdaya menyertai skim ini diminta membayar wang permulaan tertentu. Bagi mendapatkan pulangan tersebut, peserta baru ini diminta menarik lebih ramai orang lain untuk menyertai skim ini. Keuntungan yang bakal diperolehi oleh peserta baru ini bergantung kepada kemampuannya menarik peserta baru yang lain.

Skim piramid tidak akan berjaya dan akan runtuh kerana ia berlandaskan konsep gandaan, iaitu seganda, dua ganda, tiga ganda, empat ganda dan seterusnya.

Skim ini akan runtuh apabila sampai di tahap yang tidak boleh ditampung lagi. Semakin kecil bilangan peserta, maka semakin cepat ia runtuh.



## Ciri-ciri Skim Piramid

**MENETAPKAN** bilangan penajaan seperti ganjaran atau bonus dibayar berdasarkan kepada penajaan ahli yang ditetapkan, bukannya berdasarkan jumlah jualan yang dibuat.

**MENJANJIKAN** pendapatan yang tinggi dalam masa yang singkat berdasarkan bilangan ahli yang ditaja.

**SKIM LATIHAN** dan ceramah yang dianjurkan tidak menekan kepada kualiti produk atau cara memasarkan produk, tetapi lebih kepada cara bagaimana untuk menarik masuk peserta baru dalam skim.

**HARGA BARANGAN** atau perkhidmatan adalah lebih tinggi dan tidak setimpal dengan nilai sebenar barang atau perkhidmatan tersebut.

## Konsep Perkongsian Bijak Umat Islam

Bayaran penyertaan sebanyak RM10

### BERITA EKSLUSIF UNTUK MUSLIMIN DAN MUSLIMAT

### KONSEP PERKONGSIAN BIJAK UMAT ISLAM

ASSALAMUALAIKUM WRH WBRKT.

Muslimin dan Muslimat sekalian,

Luangkan masa anda labih kurang 5 minit untuk membaca naskhah ini, lantau mungkin salut bila perubahan di dalam hidup anda... atau sekurang-kurangnya anda mendapat satu ilmu baru... atau sekurang-kurangnya anda menjadi salah seorang yang akan menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada orang Islam yang lain. Hayatiyah hadis Nabi s.a.w. yang bermakna: "Abu Hurairah berkata bahwa Nabi s.a.w. bersabda:

"Apabila melihat seorang mukmin, turutuluslah amalannya kecuali liga perkara : wakaf atau sedekah yang berkelebihan, atau ilmu yang bermanfaat, samada dengan kitab atau murid-murid yang melanjutkan ilmu gunanya, atau anak yang soleh yang berdoa untuk ibu bapanya".

Konsep Perkongsian Bijak yang ingin disampaikan di dalam naskhah ini adalah satu program yang dipanggil "Program Tabarru" di mana ia nya adalah salah satu konsep yang biasanya dipakai di dalam Tokaful (Insurans Islam). Melalui konsep ini, sejap orang Islam yang menghayati akan bersih hati, ikhtisar dan lida syakwasongka terhadap nilai murni objektif yang hendak dicapai dengan berjalannya program ini, lantau adalah satu amalan saling bertindak secara ikhlak untuk membantu sesama Muslim bagi menjana peningkatan ekonomi ummah. Yang akhirnya melalui penyampaian naskhah ini yang mengandungi terjemahan al-Hadiqah dan Ayat al-Quran, akan membawa kepada penyampaian ilmu yang berguna dan berterusan selagi program ini berjalan. Ini kerana apabila terdapat unsur ikhlas' di dalam sesuatu amalan itu ia nya bermakna amalan itu dibuat kerana Allah dengan niat untuk mendapat keradhaanNya. Inilah orang yang menebati sanusi Nabi s.a.w. senantiasa

## Program Ikhwan

Bayaran penyertaan sebanyak RM30

## PROGRAM IKHWAN

### UNTUK YANG BERJIWA PENGASIH

Luangkan sedikit masa anda selama 20 minit untuk mengatahui merej yang hendak ditampaikan sebelum anda kiatkan tidak herminat atau tidak peraya, tetapi anda jangan lupa rizalah ini, sebaliknya berikan kepada saudara Melayu-Islam kita yang lain kerana mereka mungkin sangat memerlukannya.

### ASSALAMUALAIKUM WBT.

Saudara/madrasi yang bijaksana, Apa yang kita laukakan ini adalah aman amalan bertindak saling membantu, resapan kita selaku umat Islam tanpa wujud pecahan syarikat wewangga. Jika kita semua faktum, bersungguh baik, ikhlak, dedah dan bijaksana dalam membuat sumbangan bernilai RM30.00 sekali seumur hidup, insyaAllah, umat Islam akan hidup sebaik. Adakah dengan RM30.00 sahaja anda fizir. Gak manapu mengeluar kan? Atau bucas hebat jika kita diajaklah sebagaimana surat jariyah sesama Islam? Atau anda masih menikmati perbagai alasan, takut, tipu, rugi dan lain-lain lagi.

Apapun tentu anda tidak apa dengan firman Allah s.w.t yang bejukud: "Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara". Dan baginda Rasulullah s.a.w. pula bersabda yang bermakna: "Bawahu urang mukmin dengan mukmin yang aini tu bagiakan batu tuloh". Hidup ini mewajibkan satu pengorbanan sama ada mesej, tenaga, harta dan wang rugi. Hakikahnya otak

## RUANGAN PUSAT KHIDMAT ADUAN PENGGUNA NASIONAL

Masalah Pengurusan

# CUKAI TANAH

PENYATA TUNGGAKAN

SEORANG PENGADU telah membuat aduan kepada NCCC mendakwa beliau telah dianiyai oleh Pejabat Tanah Seremban.

Menurut pengadu, beliau telah menerima penyata tanah bagi tahun 2005 dan 2006. Beliau berasa hairan dengan penyata tersebut kerana terdapat tuggakan bayaran. Menurut pengadu, beliau telah menjelaskan segala bayaran yang perlu dibayar. Bagi membuktikan dakwaan beliau, beliau telah mengemukakan resit bayaran. Oleh itu beliau mempertikaikan sistem pungutan Bil Setempat yang diuruskan oleh Unit Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seremban.


Oleh itu beliau meminta khidmat bantuan NCCC untuk membantu menyelesaikan masalah beliau.

### TINDAKAN NCCC

Setelah meneliti aduan tersebut, NCCC telah menulis surat secara rasmi kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk meminta penjelasan. NCCC telah menerima maklum balas positif daripada pejabat Pentadbir Tanah Daerah yang menjelaskan tentang mengapa masalah tersebut berlaku. Pejabat Pentadbir juga menyatakan kekesalan mereka dan meminta maaf kepada pengadu serta berjanji akan memperbaiki kelemahan yang berlaku.

### NASIHAT NCCC

Aduan yang dibuat oleh pengadu secara tidak langsung menunjukkan berlaku kepincangan dalam sistem pengurusan data pentadbiran tanah. Ini telah menimbulkan kesulitan kepada para pengguna. Walaupun aduan yang diterima NCCC tentang aduan ini agak kecil, namun mungkin banyak lagi kes seumpama itu berlaku yang tidak dilaporkan. Oleh para pengguna yang berhadapan dengan masalah ini perlulah mengambil tindakan sama ada berhubung dengan pejabat pentadbiran tanah daerah atau NCCC agar masalah seperti tidak berlaku dan kelemahannya dapat diperbaiki.



No. 1D, Bangunan SKPPK,  
Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 03-7877 9000 Faks: 03-7874 8097  
Emel: [nccc@nccc.org.my](mailto:nccc@nccc.org.my)  
Laman Web: [www.nccc.org.my](http://www.nccc.org.my)

**ADIL • PROFESIONAL • BERKESAN**

# STANDARD

## KESELAMATAN PRODUK PENGGUNA DI RUMAH



**KESELAMATAN PRODUK** adalah penting kepada pengguna kerana pengguna akan merasa yakin terhadap produk yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Pengeluar/peniaga, pengguna dan kerajaan mempunyai tanggungjawab terhadap keselamatan produk-produk pengguna.

Di antara tanggungjawab pengeluar/peniaga adalah:

- Memastikan hanya produk-produk yang selamat dipasarkan kepada pengguna
- Memberikan arahan penggunaan produk yang jelas. Ini termasuk amaran terhadap potensi penyalahgunaan produk
- Membangunkan rancangan dan prosedur penarikan balik produk yang melibatkan strategi komunikasi yang efektif kepada orang awam melalui iklan, berita dan sebagainya
- Mempertimbangkan ciri-ciri keselamatan dalam rekabentuk produk
- Membangunkan standard-standard keselamatan berkaitan melalui penambahbaikan produk
- Tindakan segera jika timbul isu-isu keselamatan produk

Tanggungjawab pengguna pula memastikan mereka membeli produk yang selamat untuk digunakan. Berikut adalah ciri-ciri produk yang selamat dibeli:

- Membeli produk yang sesuai dengan tujuan penggunaan atau untuk orang yang dibelikan (Contoh: alat permainan yang terdapat bahagian tajam tidak sesuai bagi bayi)
- Mematuhi arahan penggunaan produk
- Produk-produk harus digunakan berdasarkan kepada tujuan produk itu dikeluarkan
- Mempertimbangkan persekitaran dan orang yang terlibat semasa penggunaan produk (Contoh: pastikan pesakit lelah tidak terdedah kepada bau semburan nyamuk atau lipas)
- Memaklumkan kepada pembekal atau agensi-agensi kerajaan yang berkaitan jika berlaku sebarang insiden keselamatan

Pihak kerajaan dan penguatkuasaan juga perlu memainkan peranan mereka dalam memastikan keselamatan produk-produk yang digunakan oleh pengguna. Terdapat akta-akta yang berkaitan dengan keselamatan produk. Antaranya Akta Racun Makhluk Perosak 1974, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Tanggungjawab mereka adalah seperti :-

- Menyediakan infrastruktur penguatkuasaan bagi menggalakkan pasaran untuk produk pengguna yang selamat digunakan
- Menetapkan mekanisme yang berkesan untuk menarik balik produk-produk yang tidak selamat atau terdapat bukti-bukti yang menunjukkan sesuatu produk itu akan menyebabkan masalah keselamatan kepada pengguna
- Memastikan pematuhan kepada standard-standard mandatori bagi produk pengguna secara terperinci
- Mengadakan promosi bagi menjana dan meningkatkan kesedaran pengguna tentang bahaya atau ciri-ciri keselamatan produk-produk pengguna
- Memudahkan penyelesaian masalah-masalah keselamatan di antara pembekal/penila dan pengguna

# KESIHATAN

## Gunakan Ubat Secara Rasional



UBAT-UBATAN merupakan peralatan yang penting untuk memulihara dan meningkatkan kesihatan. Oleh yang demikian, ubat-ubatan mestilah selamat, mampu dibeli, boleh didapati, dan digunakan dengan sewajarnya. Penggunaan ubat secara tidak rasional masakini telah diakui sebagai epidemik global yang baru. Penggunaan ubat secara tak rasional bukan sahaja berbahaya kepada kesihatan awam tetapi juga mempunyai impak negatif terhadap ekonomi dan membawa kepada pembaziran.

Menurut World Health Organization (WHO) dalam 2002, di seluruh dunia lebih daripada 50% daripada semua ubat yang diperskripsi, yang diberi, ataupun dijual dengan tidak betul manakala 50% daripada pesakit gagal untuk mengambilnya dengan betul. Kesilapan pengubatan dan reaksi buruk ubat-ubatan menyumbang kepada sebahagian besar daripada kemasukan hospital. Di Amerika Syarikat, kesan buruk ubat-ubatan merupakan faktor kematian yang keempat terbesar.




## Tip Penggunaan Ubat Yang Selamat

### Patut

#### PERKARA YANG PATUT DILAKUKAN:

- RUJUK DOKTOR serta-merta jika anda mengalami reaksi luarbiasa terhadap sesuatu ubat.
- SIMPAN UBAT anda dengan sewajarnya. Pastikan anda baca label untuk arahan penyimpanan khas.
- JAUHKAN UBAT daripada kanak-kanak
- BINCANG dengan doktor/ahli farmasi anda dengan kerap mengenai ubat-ubat yang anda boleh kurangkan atau berhenti mengambil.
- BUANG ubat yang lama dan luput tarikhnya ke dalam tandas. Buang bekas ubat ke dalam tong sampah.
- SENARAIKAN nombor telefon perkhidmatan kecemasan, hospital, farmasi dan doktor anda.



### Pastikan Anda Tahu

- jenis ubat yang diambil
- tujuan diambil
- dos tepat yang perlu diambil
- masa untuk mengambilnya
- bagaimana untuk mengambilnya
- berapa lama perlu diambil
- jenis makanan dan minuman yang perlu dielak
- jenis aktiviti yang perlu dielak (memandu, mengendalikan mesin, dan lain-lain)
- kesan sampingan yang mungkin berlaku

### Pastikan doktor dan ahli farmasi anda tahu

- segala jenis ubat (termasuk vitamin) yang sedang anda ambil
- jenis alahan atau interaksi yang anda alami apabila mengambil sesetengah ubat
- tabiat pengambilan minuman keras anda
- sama ada anda merokok atau mengambil minuman berkafein




### Tidak Patut

#### PERKARA YANG TIDAK PATUT DILAKUKAN:

- JANGAN HENTIKAN PENGUBATAN atau tukar dos tanpa berbincang dengan doktor anda, walaupun anda berasa sihat.
- JANGAN PINDAHKAN UBAT ANDA ke dalam bekas lain kecuali mendapat kebenaran daripada doktor atau ahli farmasi anda.
- JANGAN MENGAMBIL UBAT ORANG LAIN ataupun memberikan ubat anda kepada orang lain.
- JANGAN MENGAMBIL UBAT ANDA DALAM KEADAAN GELAP - buka lampu untuk mengelak dari tersilap mengambil ubat.
- JANGAN SIMPAN UBAT yang telah hilang labelnya, ubat yang luput, dan ubat yang rosak.
- JANGAN AMBIL UBAT kecuali anda faham kesemua arahan untuk menggunakan dengan selamat.

## KHASIAT TANAMAN

### LIDAH BUAYA



LIDAH BUAYA atau nama saintifiknya Aloe Vera boleh didapati di seluruh dunia. Ia mengandungi 96 peratus kandungan air dan selebihnya minyak pati, asid amino, mineral, vitamin, enzim dan glikoprotein.

#### KHASIAT

- Daunnya digunakan untuk mengubati colitis dan ulcer peptik.
- Daunnya dijadikan sebagai makanan tambahan yang membantu penghadaman, melancarkan perjalanan darah, meningkatkan kecekapan buah pinggang, pundi kencing dan hati.
- Tiga jenis asid lemak yang terdapat di dalamnya sangat baik untuk perut, usus kecil dan usus besar.
- Mengurangkan masalah asid berlebihan kerana sifatnya yang alkali.
- Melancarkan dan membersihkan saluran makanan.
- Gel yang diabstrak daripada lidah buaya digunakan sekiranya badan melecur atau melepuh.
- Mengurangkan suhu badan dengan menyapu gelnya di atas kepala, dahi dan pelipis.
- Membantu percepatkan penyembuhan luka dan mengurangkan gatal akibat gigitan serangga.
- Gel pada daunnya boleh digunakan untuk mencegah jerawat dan menegangkan kulit.
- Bahagian luar daun yang dikupas dan kisar boleh dijadikan sebagai jus minuman.

Sumber: Penyembuhan Semula Jadi Dengan Herba, terbitan PTS Millennia Sdn Bhd.

## PENGGUNA LESTARI

### MENGURANGKAN TEKANAN KOS HIDUP



- Membeli kereta mengikut kemampuan dan keperluan.
- Berhenti merokok atau kurangkan amalan merokok.
- Buat panggilan telefon untuk keperluan dan penting sahaja. Gunakan SMS sahaja jika ingin membuat makluman.
- Membeli pakaian bukan untuk menunjuk-nunjuk. Cari yang berkualiti dan tahan lama.
- Amalkan memasak di rumah dan makan bersama keluarga. Ini akan mengeratkan hubungan kekeluargaan
- Gunakan motosikal jika jarak perjalanan dekat.
- Telefon Bimbit untuk keperluan bukan untuk bergaya dan gunakan dengan bijak.
- Beli barang keperluan rumah kepada yang perlu sahaja.
- Pakaian untuk anak-anak beli yang sesuai untuk suatu tempoh yang boleh diguna bagi tempoh yang lama.
- Kurangkan penggunaan elektrik, air, telefon dengan konsep mengamalkan langkah penjimatatan.
- Membeli perabot rumah yang sederhana dan mengikut kemampuan.
- Melancong atau makan angin mengikut jadual. Balik kampung dan buat program bersama-sama ahli keluarga untuk timbulkan kemesraan.
- Gunakan kad kredit sebijak mungkin.
- Gunakan Perbankan internet untuk pembayaran bil.
- Menonton siaran televisyen yang perlu sahaja.
- Berbelanja kurang daripada pendapatan.
- Menyimpan 10% gaji anda dahulu sebelum membuat perbelanjaan.
- Berbelanja bijak.
- Gunakan kuasa sebagai pengguna

# PUISI KEPENGUNAAN

*Pemeras.  
Mesti  
Dihapuskan*

Puisi ini mendapat tempat pertama kategori puisi dalam Sayembara Penulisan Puisi dan Cerpen Kepenggunaan 2006, anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dengan kerjasama Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).



Ketika kita menjulang bumi gemilang  
Ketika kita menjunjung martabat cemerlang  
Ketika kita melangkah bersama pemimpin terbilang  
Dengan kemerdekaan menyuburkan kesejahteraan  
Marilah kita bangunkan minda bijaksana

Warga negara yang bernama pengguna  
Agar tidak lagi tewas dan terpesona  
Dengan tipu telah dan kerakusan peniaga.

Ketika kita memamerkan keunggulan bangsa  
Ke pentas dunia mengharumkan kemakmuran  
Ada ratusan pedagang licik menjerat pelanggan  
Ada ribuan peniaga rakus membungkus keuntungan  
Ada tipu muslihat ada langkah jahat dicipta  
Oleh pemeras yang pantas mengumpul taba  
Memalsukan kejujuran menyembunyikan kejahatan.

Bijaksanalah warga negaraku  
Berhemah dan cermat menjadi pengguna  
Halus menimbang-tara, teliti tidak terpedaya  
Iklan tidak mengikat, slogan tidak memerangkap  
Kerana kau tetah mahir memilih kesederhanaan  
Menolak yang palsu menyingkirkan yang haloba  
Kita pengguna mampu menewaskan pendusta.

Pengguna pintar tak mungkin tertewas lagi  
Setelah memiliki senjata yang ampuh  
Ialah kesedaran, ketelitian dan ketahanan  
Memilih berhemat menundukkan godaan nafsu  
Memilih kesederhanaan menewaskan keangkuhan  
Bersama berjuang untuk kesejahteraan.

Dari pengguna bijak kepada peniaga beretika  
Dari kesederhanaan membina negara sejahtera  
Warga negara bersatu menghapuskan pemeras  
Menjalin perpaduan menyempurnakan wawasan.

**AHMAD BIN SARJU**  
Shah Alam, Selangor